

 <p><b>MDBG</b></p>	<b>BAHAGIAN PELESENAN, JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.</b>						
	<b>SYARAT-SYARAT LESEN PENJAJA</b>						
	<b>Syarat-Syarat / MDBG / JP-18</b>	<table border="1"> <tr> <td>No. Telefon</td> <td>05-3632020-3632030</td> </tr> <tr> <td>No. Fax</td> <td>05-3665930</td> </tr> <tr> <td>E-mail</td> <td>pelesenan@mdbg.gov.my</td> </tr> </table>	No. Telefon	05-3632020-3632030	No. Fax	05-3665930	E-mail
No. Telefon	05-3632020-3632030						
No. Fax	05-3665930						
E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my						

1. Menjalankan perniagaan di lokasi yang diluluskan oleh pihak Majlis sahaja. Pelesen dilarang mengubah lokasi perniagaan tanpa kelulusan daripada pihak MDBG.
2. Lesen yang diluluskan perlulah dimasukkan ke dalam patil yang disediakan dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat pada setiap masa (Seksyen 107 Akta 171).
3. Lesen tidak boleh dipindah milik atau disewakan tanpa kebenaran daripada MDBG.
4. Pelesen perlulah membersihkan kawasan perniagaan dan sisa-sisa jualan perlulah dikumpul dan diletakkan di kawasan yang dibenarkan oleh MDBG. Pelesen juga **dilarang** membuang sampah ke dalam longkang berhampiran kawasan berniaga.
5. Pelesen hanya dibenarkan menggunakan peralatan mudah alih seperti meja, kerusi, gerai, dan peralatan mudah alih tersebut perlu disimpan atau dialih selepas aktiviti perniagaan selesai.
6. Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan, meletakkan atau menyimpan peralatan di tempat yang digunakan sebagai tempat tambahan untuk perniagaan selepas sahaja waktu yang dibenarkan.
7. Pelesen perlu memastikan kawasan yang disewa tidak mengganggu lalu lintas atau menyebabkan kacauganggu kepada pihak lain.
8. Bagi pelesen yang menjual makanan dan minuman perlulah mendapatkan suntikan pelalian TAB dan menghadiri kursus wajib bagi pengendali makanan dan pelesen juga haruslah memakai topi serta apron.
9. Pelesen yang menggunakan apa-apa mesin seperti 'genset' mahupun mesin lain perlulah meletakkan mesin tersebut di belakang kawasan perniagaan bagi mengelakkan pencemaran asap, bunyi, bau dan lain-lain yang boleh mengganggu keselesaan pengunjung dan peniaga yang lain.

10. Tempoh lesen yang dibenarkan adalah dua belas (12) bulan bagi setiap permohonan dan perlu diperbaharui sebelum tamat tempoh tersebut.
11. Pihak Majlis Daerah Batu Gajah tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan/kecederaan/kehilangan/kecurian yang berlaku semasa tempoh perniagaan dijalankan.
12. Pihak Majlis berhak untuk menarik balik kelulusan lesen yang diberikan, sekiranya terdapat sebarang pelanggaran yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu yang berkenaan dan pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi.
13. Pelesen adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak MDBG dan jika terdapat aduan-aduan yang berasas, pihak MDBG boleh mengambil tindakan.
14. Sebarang syarat-syarat yang dikenakan adalah tertakluk kepada pindaan pihak Majlis Daerah Batu Gajah dari semasa ke semasa.
- 15. Penjaja berlesen dikehendaki mencarum Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) selaras peruntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, bertujuan menyediakan sokongan kewangan sekiranya berlaku bencana kerja dan memberi perlindungan penjaja.**

**\*\*SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI PELESEN PASAR PAGI DAN PASAR MALAM**

1. Pelesen perlulah mematuhi had operasi yang dibenarkan mengikut masa operasi perniagaan yang diluluskan oleh bahagian pelesenan MDBG. Masa operasi adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>PASAR PAGI</b>	<b>PASAR MALAM</b>
i	Waktu Masuk	6.00 AM	4.00 PM
ii	Waktu keluar	1.00 PM	10.00PM
iii	Waktu perniagaan	7.00 AM- 12.00 PM	4.00 PM – 10.00 PM
iv	Jangkamasa perniagaan	5 jam	6 jam

2. Bagi pelesen yang menjalankan perniagaan barang-barang basah seperti daging, ayam, ikan, sayuran, buah-buahan dan lain-lain berkaitan, hanya dibenarkan menyewa minima 2 petak dan maksima 4 petak sahaja.

3. Bagi pelesen yang membawa masuk kenderaan ke petak perniagaan, kenderaan hendaklah di susun dengan teratur bagi tidak mengganggu lalu lintas dan enjin kenderaan perlu dimatikan sepanjang masa operasi pasar malam/pasar pagi
4. Bagi pelesen yang menggunakan kenderaan bergerak seperti van, lori kecil, dan motosikal, perlu memastikan tempat letak kenderaan adalah dalam keadaan yang tersusun bagi memastikan setiap pengunjung yang datang dapat meletakkan kenderaan mereka di tempat yang sepatutnya dan tidak meletak kenderaan di tempat yang tidak sepatutnya yang boleh menimbulkan kesesakan lalu lintas seperti di bahu jalan.

**\*\*SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI PELESEN BEREDAR**

1. Pelesen perlulah mendapatkan kelulusan daripada pihak MDBG bagi menggunakan sebarang kenderaan untuk aktiviti perniagaan.
2. Sebarang pertukaran kenderaan perlulah mendapat kelulusan daripada pihak MDBG terlebih dahulu.
3. Bagi pelesen yang menjual barangan basah khususnya ikan, ayam, udang dan seumpamanya hendaklah menyediakan tong bagi menadah air limpahan jualan tersebut. Para peniaga dilarang mencurahkan ke atas permukaan jalan yang boleh mengakibatkan kekotoran serta meninggalkan bau busu dan hanyir.
4. Pelesen dilarang menjalankan perniagaan di kawasan yang boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas.

**ARAHAN :-**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**